

Sebatang jalan pengubat rindu

16.12.2018 5

BERSARA dua bulan yang lalu, ada suatu kekosongan menyerkup seluruh jiwa. Sepantas kilat aku menyedari, aku telah bersikap jujur apabila aku menyuarakan kekurangan ini kepada sahabat-sahabat. Rasalah kekosongan ini! Mereka sering mengingatkan dan menasihati agar perlu menghabiskan sisa-sisa hidup dengan berdiam diri sahaja di rumah. Tidak yang demikian, kataku kepada mereka, aku lebih suka jika aku cuba memenuhi kekosongan yang tidak sempat aku penuhi dahulu. Aku perlu berbuat sesuatu. Tenaga ku saja yang berkurangan, tetapi ingatan dan mindaku masih segar bugar.

Kekosongan itu segera pula diisi ingatan kepada mereka yang pernah kucintai!

Dengan demikian, aku diam-diam meluncurkan kereta kesayanganku menuju arah yang ku yakini. Merentas daerah yang telah tinggalkan puluhan tahun yang lalu.

Tetapi apa gunanya harapan dan kenangan itu jika tersadai di tengah jalan ini. Tiada siapa yang peduli. Kudapati bahawa bahawa jalan ini sedikit sepi. Kudapati bahawa aku hanya seekor semut hitam di atas sebatang kayu yang terbuang di tengah tasik yang tidak beralun, yang memungkinkan aku tidak menemui tebing. Aku hanya seorang lelaki tua yang tertakung-katung dan terbongkok-bongkok lemah yang sedang berhadapan dengan kemusnahan yang perlahan-lahan menghancurkan seluruh tubuhku. Mengapakah dataran yang ditumbuhi pohon penuh kehijauan itu tiba-tiba terasa sunyi?

Rasa sunyi itu pula membawa aku kepada ingatan terhadap Cheryong!

Sebahagian hidup, kuhabiskan berpindah randah. Dari sebuah sekolah ke sekolah lain. Dari daerah asal ke daerah lain. Hampir menjelajah pelusuk negeri. Dalam keterasingan ini, tiada siapakah yang mengenali aku? Tiada siapakah yang ingin membantu sehingga aku kembali meluncurkan kenderaanku? Ke manakah mereka? Tiada siapakah yang mengenali aku dari ribuan anak muridku daripada berbelas sekolah yang pernah aku berkhidmat? Ataukah aku sudah terlalu tua, sudah jauh berubah menjadi seorang lelaki yang sama sekali tidak boleh dikenali lagi?

Rasa sepi itu tiba-tiba mencengkam jiwaku. Kesepian itu pula telah menumbuhkan rasa sendu di hatiku. Aku telah menyimpan rasa cinta ini sejak berpuluh-puluh tahun dahulu. Sekarang, apabila aku ingin mendapatkan kekuatan untuk meneruskan hidup, bayang engkau tiba-tiba hadir, Puteri Cheryong!

Sesudah kau pergi bak bintang yang sima lalu mencipta daun sunyi di hatiku, aku kembali mengingatiimu,puteriku! Sekarang sepasang kakiku, tidak semena-mena seperti ditumbuhi lagi dua kaki yang lain. Tapi ia tidak mampu membawa aku ke sisimu!

Pada musim salji itu aku cuba meraih tanganmu. Engkau tidak merelakannya. Jari-jemariku yang dingin dan seakan membeku kembali kusembunyikan ke dalam rongga jaket hitam. Tengkolah! Sajili yang berguguran membentuk kelopak bunga putih berterbangan menghiasi seluruh pelipis lembah, menjadi saksi pertemuan singkat itu. Dari manakah datangnya bunga-bunga salji itu? Engkau seolah-olah menggugurkannya dari rambutmu yang gemerbak kembang. Rambutmu itu seolah-olah mempunyai banyak akar. Pusat akarnya menjalar dari

tasik Ashinoko yang menakung wap dingin berpanjangan.

Aku merenung matanya penuh tantangan. Aku melihat di kolam matanya itu penuh dengan kesabaran. Oleh kerana kesabaran dan pengalaman luas yang pernah dilaluinya, dia cuma mengukir senyuman di bibirnya. Tatapan matanya itu seolah-olah menggambarkan kolam hatinya yang tenang dan mendamaikan. Kolam hatinya dipenuhi dengan bunga-bunga berwarna putih dan kuning kemerahan-merahan, seperti Tasik Ashinoko.

Kau menjabat tanganku yang bergetar. Aku tidak pernah mengimpikan seorang puteri menghulurkan persahabatan. Katamu, engkau terlalu bosan berada di istana. Apa maksudmu dengan istana? Pada ketika itu aku merenung matamu dengan penuh tanda tanya. Tapi akhirnya engkau mengatakan, bahawa keluargamu pemilik syarikat-syarikat besar di Wilayah Aomori. Engkau dilimpahi dengan kemewahan sehinggakan seolah-olah berada di dalam istana. Engkau hanya perlu menghabiskan masa untuk menjelajah ke serata dunia.

Begitu terjadi pertemuan kita di Tasik Ashinoto!

Tetapi kini, di sebatang jalan, aku sedang berhadapan dengan kejatuhan yang bakal melenyapkan kekuatan ingatanmu. Di manakah mereka semua?

Di balik kabus yang tebal seseorang menghulurkan sekaki payung. Entah siapa agaknya? Maasaki Imai?!. Syarahan tentang konsep payung lagi?!. Tetapi apa kaitannya dengan diriku, apakah boleh diaplikasi *payung* itu dalam diriku. Aku terdiam. Mengurus diri itu seperti mengurus sebuah kehidupan. Mungkin betul! Aku pernah berfikir mengurus diri adalah seumpama mentadbir sebuah perasaan. Dan perasaanmu adalah bahagian-bahagian yang amat penting untuk membangunkan organisasi tersebut. Apakah aku gagal mengurus salah satu bahagian di dalamnya. Mengurus perasaan sendiri itu merupakan suatu kegagalan! Kesimpulan ini bermula di fikiranku. Pedih menikam ulu hati!

Tetapi kemarahanku tak mampu kusembunyikan. Aku berasa aneh terhadap diriku sendiri. Semakin kebencian dan kemarahan itu cuba dihidari semakin kuat ia menggeluti diriku. Setiap detik yang berlalu adalah detik berselut kebencian. Betapa kemarahan itu ada di mana-mana. Ia mengikat leher dan kedua-dua kakiku bak rantai yang mengikat seorang penjenayah dari dunia purba. Bagaimana aku tidak punya keberanian untuk meluahkan cintaku kepadamu, puteriku?! Sehingga, apabila aku berangkat pergi meninggalkan daerah yang menggugurkan salji itu, seluruh kekuatanku seperti diseleputi awan yang dingin bak membekukan segala keinginanmu.

Sekarang aku telah memutuskan untuk berjalan beberapa meter lagi. Aku cuba berjalan mengikuti gerak hati. Aku terpacak di suatu persimpangan jalan. Inilah pilihanku. Simpang arah kiri, mungkin membawa aku ke mana-mana. Lorong yang ditumbuhi semak-samun telah kutinggalkan. Ini daerah di negeriku. Aku cuba membayangkan hampan salji di mana-mana. Rasalah! kenangan terindah itu seolah-olah terpaterti di jiwaku. Ratusan tahun berlalu tak akan hilang lukisan kenangan itu. Ia telah menyegarkan minda untuk bangkit melupakan keindahannya.

Puteriku, pandanglah aku untuk kali



yang terakhir. Aku pergi meninggalkan daerah saljimu. Telah bertahun selepas itu aku menyatakan kesetiaku. Telah tertanam kukuh di setiap lohong jiwa keindahan Tasik Ashinoko.

Di manakah aku berada?! Sebatang jalan itu telah membawa aku semakin jauh ke arah yang tidak diketahui. Hey lelaki tua!

Di hadapanku tiba-tibamuncul ratusan tentera berbaju besi. Begitu tangkasnya berlalu di hadapanku. Derap kaki kuda menguasai suasana. Seluruh jenggala seakan terjaga. Hentakan yang kuat hampir mencipta gegar pundak butala yang masih menyimpan punggung-punggur kayu. Siapakah mereka? Wajah-wajah garang itu sedikitpun tidak terusik oleh lambaian tanganku.

Suatu perarakan kecil-kecilan bak melarikan diri dari satu medan pertempuran. Sebuah tandu dipikul oleh tentera yang gagah. Di celah abu yang berterbangan, seraut wajah di dalam tandu sedikit melirik lirik ke arahku. Wajahnya muram bak bulan diselubungi awan. Mungkin sedang menghadapi saat kejatuhan seperti aku. Aku pernah belajar tentang sejarah dunia. Dari empayar manakah mereka datang?

Tetapi kemarahanku tak mampu kusembunyikan. Aku berasa aneh terhadap diriku sendiri. Semakin kebencian dan kemarahan itu cuba dihidari semakin kuat ia menggeluti diriku. Setiap detik yang berlalu adalah detik berselut kebencian. Betapa kemarahan itu ada di mana-mana. Ia mengikat leher dan kedua-dua kakiku bak rantai yang mengikat seorang penjenayah dari dunia purba.

"Di sini pula engkau berada! Ayuh sertai kami menawan wilayah salji itu." Seseorang berteriak kuat. Aku terpinga-pinga seperti seekor beruk dilempar jauh ke tengah gurun yang panas membahang.

Aku bungkam. Entah siapa agaknya?!

Sewaktu engkau menarik tanganku untuk merempuh salji yang terus berguguran, aku sudah memutuskan bahawa engkau puteri itu yang sebagai mana kubaca dalam cerita-cerita dongeng. Engkau datang dari dunia lain, entah di mana. Aku berlari-lari anak mengekori langkahmu yang begitu yakin berlari di tengah tasik yang sedang membeku. "Ayuh! Kita raihkan persahabatan ini dengan mengepul salji dan membina istana salji yang kita ingini..." Engkau ketawa terbahak-bahak.

"Sejuk!"

"Negerimu tidak ada salji bukan!?"

Suaramu kuat. "Alangkah malangnya!"

Kau berlari menghilang di sebalik salji yang berguguran. Aku menunggu kemunculanmu kembali di sisiku. Aku tidak punya kekuatan menempuh musim dingin itu. Begitu juga aku tidak punya kekuatan untuk meluahkan perasaanku



Karya Jamail Masador

terhadapmu.

Engkau ketawa penuh keayuan di sebalik kabus dingin. Aku ingin katakan kepadamu: engkau sepatutnya lahir pada zaman terdahulu dan menjadi pembantu kepada maharajamu. Sewaktu baginda telah kehilangan kuasa memerintah di tangan *Keshogunan Tokugawa*. Pada saat maharaja sedang berduka dan gundah-gulana, engkau sepatutnya melantunkan suara merdumu itu. Biar segala kegelisahan dan kemurungan itu terubat. Maharaja akan memandang *Tokugawa Ieyasu*, lalu berkata: "Sekarang, Tokugawa, engkau buatlah apa yang engkau suka. Engkau telah menubuhkan pasukan kuasa pemerintahan *shogun*. Engkau telah melantik golongan *vassal* yang memerintah wilayah. Engkau telah mengawal *daimyo* yang menguasai daerah. Engkau buatlah apa yang engkau suka..."

Sekaranglah waktu dan detiknya engkau mengalunkan suara merdumu di sisi Maharaja yang dilanda kemurungan!

Engkau ketawa terkekek. Mengepul salji dan melotar ke arahku. Engkau berlari lagi ke arah tasik. Aku mengejarmu dengan derai tawa yang kian memanjang. Alangkah indahnya apabila dikenang-kenang. Pada saat ini aku mampu menyuntik sekuntum bunga dan menyelitkannya di rambutmu. Aku merindui detik yang teramat indah itu.

Sekarang, aku terkenangkan engkau! Engkau seperti tiba-tiba muncul di desa terpencil ini seolah-olah membawa sejuta bunga sakura yang harum baunya. Seluruh banjaran dan pelosok butala terbungkam oleh tertibmu dan kecantikanmu. Engkau bak bunga sakura yang terindah, yang tumbuhnya di tasik-tasik sekitar daerah Hiroshima. Lalu pada saat dan detik yang terindah ini, engkau hadir menakluk seluruh lembah. Tapi perlahan pula menghilang di sebalik tirai salji yang masih berguguran.

"Tiba masanya aku kembali ke negeri kelahiranku..." Engkau diam. Entah apa yang berlain di fikiranku. "Kau datang lagi di sini? Ah...entah bila kita akan bertemu lagi."

"Datanglah ke negeriku. Aku menunggu..." Engkau terus mendiamkan diri, Cheryong! Dan pada saat perpisahannya itu, tahulah aku itu saatnya yang akhir aku menatap wajahmu.

Kenangan itu telah menggerakkan seluruh tenagaku untuk terus menyusuri lorong sempit itu.

Aku mengangkat kepala. Aku tersentak. Terlopong. Aku kini berdiri dengan mata penuh kehairanan di hadapan sebuah pantai. Di manakah aku berada? Pantai ini tidak pernah aku lihat sebelum ini. Ia sebuah pantai berpasir putih. Pantai itu memanjang ke arah selatan dan menghilang di sebuah selekoh tajam, dan selepas itu hanya hampan laut yang kelihatan.

Alangkah peliknya! Pantai itu seolah-olah tidak pernah dijumpai oleh sesiapa. Tiada sampan atau bangkai sampan di mana-mana. Tiada cebisan-cebisan sampah di mana-mana sebagaimana selalunya dijumpai di mana-mana pantai sebelah sini. Pastilah tiada sesiapa yang pernah sampai di sini.

Tanpa diduga tak semena-mena muncul dua lelaki *Shogun* di hadapanku. Menjerak kuat. Aku terhenyak di atas pasir yang terasa amat lembut. Terlopong seolah-olah aku telah kehilangan suara dan hanya keupayaanmu cuma boleh menggerakkan jari-jemariku.

Dari mana mereka muncul!?

Kudapati bahawa salah seorangnya telah menghunus pedang samurainya. Ia berkilat dipanah matahari yang boleh tergolek ke garis horizon. Tak semena-mena pedang itu diacukan kepadaku tepat ke leherku yang terasa tegang.

"Engkaulah penderhaka yang kami cari-cari selama ini!" seseorang menjerak dari arah belakang. Aku tersentak. Terlopong macam mulut kura-kura. Aku cuba menyembunyikan kemarahanku. Tiada gunanya aku melampiaskan kemarahan, pedang samurai yang menyentuh leherku bila-bila akan menghiris kulit leherku.



JAMAIL MASADOR berasal dari Kampung Salimandut, Kota Marudu. Bertugas sebagai Guru Besar di SK Garau, Kudat. Mulai bergiat dalam penulisan kreatif pada tahun 1985 dengan sajak pertama tersiar dalam Dewan Siswa dan cerpen pertama tersiar dalam WADAH Jun 1987 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Lulusan BIT (Hons) dan Ijazah Sarjana Pendidikan (UMS), merupakan ahli seumur hidup BAHASA.

"Pendehaka?!" Aku menentang sorotan matanya penuh tentangan.

"Ya engkau yang kami cari-cari selama ini!" bentak pahlawan yang lebih panjang janggutnya. Menerkam lalu mengunci tanganku ke belakang. Aku tidak mampu melawan lagi. Cengkamannya pada tanganku terasa kejap dan bertenaga. Aku membiarkan diriku dibelenggu. Menurut arahan seperti seorang penjenayah yang amat berbahaya tetapi tidak mampu melakukan apa-apa. "Ke mana engkau hendak lari bersembunyi sekarang? Tanggamu telah digari, dan kami sedia memancing lehermu!"

"Izinkan aku bertanya, siapa kalian ini?" Kugagahi bertanya. Lututku bergetar menahan rasa takut yang terus mengomol hatiku. Aku terjambul-jumbul menyesali diri kerana terlalu ghairah memasuki pantai berpasir putih itu.

"Hey...orang tua! Sama sekali tidak boleh mengemukakan sebarang soalan. Soalnya sekarang, kami sedia memenggal kepalamu!" Lelaki yang lebih berkumis tebal menjerak.

"Tapi...siapa kalian ini?!"

Aku menggumpul keberanian. Kalau mereka betul-betul mahu membunuhku. Tiadalah dia teragak-agak membenamkan mata pedangnya itu ke leherku. Kepala terputus dua yang dilumuri darah, sepatutnya terjantai di tangan kirinya. Tapi ini tidak! Ini bererti mereka patuh kepada arahan agar tidak membunuhku dengan segera. Peluh sejuk merening di dahiku. Mereka mengheret batang tubuhku dan menyempatkan aku ke kurungan besi betul-betul berhadapan dengan pantai sebelah timur. Salah seorangnya bertempik dengan marah. Menatap mataku dengan tajam. Bibirnya kumat-kamit, entah apa-apa yang cuba dituturkannya. Aku kehilangan kekuatan untuk melawan.

Beberapa minit kemudian, tak semena-mena muncul seseorang dari lorong yang gelap. Derap langkahnya kedengaran seperti derap kaki kuda dari sebuah gua.. Apa yang pasti terjongkok di atasnya seorang gadis berwajah sugul. Siapakah dia? Entah dari mana. sang Puteri itu melompat lalu menerkam. Langkahku terkunci.

"Sudah sekian lama aku cuba menjejekimu, hey orang tua!"

Aku terhenyak hairan. Tengoklah! Gadis rupawan itu merenggut leher bajuku.

Dalam kebingungan itu, aku ingin menyatakan sesuatu. Sesuatu yang amat penting! Aku tidak sesekali pernah menipu diriku, bahawa setiap gadis yang kutemui hampir pasti menjelma seraut wajah impianku, Cheryong!

Rupa-rupanya, aku tidaklah sebijak mana apabila berdepan dengan seorang wanita yang mungkin aku pernah menaruh hati terhadapnya. Dan sekarang dia sedia membunuhku!

Tapi siapakah mereka ini? Aku memandang lautan yang tenang. Tiada sesiapa di situ! Aku hanya melihat bayang diriku yang semakin memanjang melapau rumput-rumput jalan yang bergetar-getar dipanah pawana petang.

Bayang panjang diriku seperti jauh terbenam ke dalam air. Di situ jambatan terentang jauh. Aku berasa hiba. Sisa bayang hitam diriku bak tersangkut pada permukaan lautan. Bengkok dan bergetar-getar...sekarang aku membayangkan, empayar di Tasik Ashinoko itu telah musnah sepenuhnya!

Begitu aku memberitahu diriku: alangkah indahnya jika waktu tak pernah berlalu pergi!